PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

1 – 15 Mei 2012

http://www.facebook.com/buletinmutiara
http://www.facebook.com/cmlimguaneng

**Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wesak kepada semua penganut agama Buddha. Juga Selamat Hari Ibu kepada semua ibu dan Selamat Hari Guru buat semua warga pendidik.**

# Demi rakyat, P. Pinang naikkan had beli hartanah Asing

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB/NORSHAHIDA YUSOFF & AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORE TOWN** - Demi melindungi kepentingan rakyat, had maksimum pembelian hartanah di Pulau Pinang oleh warga asing akan dinaikkan dari RM500,000 ke RM1 juta dengan nilai tertingginya RM2 juta.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bagaimanapun berkata, had minimum pembelian tanah yang membabitkan rakyat tempatan dikekalkan pada kadar RM500,000 sahaja.

Malah, katanya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus berusaha menyediakan kediaman mampu milik yang berkualiti untuk rakyat di negeri berkenaan.



JERRY Chan.

"Sebagai langkah pertama untuk melindungi kepentingan rakyat Malaysia, Kerajaan Negeri meningkatkan had minimum untuk pembelian asing semua hartanah daripada had sedia ada RM500,000 kepada RM1 juta dengan had yang lebih tinggi sebanyak RM 2 juta untuk hartanah sahaja.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mengekalkan had sekarang RM500,000 bagi penduduk tetap," ujarnya pada satu sidang media di sini baru-baru ini.

Keputusan itu dicapai selepas beliau mengadakan perbincangan dua hala dengan pemimpin *The Real Estate and Housing Developers' Association of Malaysia* (REHDA). Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Lai yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam.

Dalam pada itu, kedua-dua pihak turut bersetuju dengan tiga garis panduan lain, iaitu :

**Pertama**, perolehan unit kediaman di bawah program *Malaysia My Second Home* (MM2H) kekal pada paras harga kawalan minima RM500,000, tetapi terhad kepada dua unit pembelian sahaja;

**Kedua**, perolehan hartanah oleh warganegara asing yang bertaraf penduduk tetap (PR) kekal di paras harga kawalan RM250,000; dan

**Ketiga**; kawalan harga minima ini tidak terpakai kepada pindah milik daripada wasi (*executor*) kepada waris di bawah *'transmission'* harta pesaka atau yang melibatkan perintah mahkamah.

Garis panduan baru yang dipersetujui bersama berkuatkuasa pada 1 Julai ini.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri akan terus berusaha memperbanyak projek pembangunan rumah mampu milik rakyat sungguhpun RM500 juta telahpun diperuntukan untuk membina hampir 12,000 rumah kos sederhana rendah dan rumah kos rendah di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan.



**TUAN Yang Terutama (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas memeriksa perbarisan bersempena Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Yang Ke-12 Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.** ***Gambar oleh: Chan Lilian.***

"Lebih banyak projek-projek mampu milik akan dicadangkan, termasuk di pulau Pulau Pinang," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi REHDA, Datuk Jerry Chan berkata, pihaknya memahami keputusan dan cadangan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri semata hanya mahu melindungi pasaran hartanah bagi warganegara.

"Walaupun ianya bersifat drastik, namun bukanlah sesuatu yang membebankan buat warga asing untuk memiliki hartanah di negeri ini meskipun had telah dinaikkan. Malah, cadangan ini juga akan turut membawa kepada peningkatan prospek ekonomi yang positif," kata beliau pada majlis sidang media sama.

Dalam pengumuman berlainan, Guan Eng turut menyatakan bahawa peruntukan sebanyak RM500 juta (tertinggi berbanding mana-mana Kerajaan Negeri dalam negara) untuk menyediakan perumahan mampu milik di bawah Tabung Rumah Mampu Milik (TRMM).

"Fasa 1 melibatkan pembinaan 12,000 unit rumah mampu milik di antara harga RM72,500 hingga RM220,000 seunit di atas tanah seluas 200 ekar di Batu Kawan.

"Malah, Fasa 2 juga telah dimulakan dengan mengenalpasti tambahan tanah kerajaan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) seluas 77 ekar di seluruh negeri.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan mengenalpasti lebih banyak tapak-tapak tambahan bagi pembinaan rumah mampu milik di bawah Fasa 3 kelak," tambah Guan Eng.

Keluasan tanah yang dikenalpasti mengikut daerah bagi Fasa 1 dan Fasa 2 :

| DAERAH | KELUASAN (EKAR) |
|---|---|
| Seberang Perai Utara | 28.9 |
| Seberang Perai Tengah | 31.71 |
| Seberang Perai Selatan | 10.21 |
| Barat Daya | 5.84 |
| Timur Laut | 200 |
| **JUMLAH** | **277** |

Mesyuarat Penggal Ke-5 DUN Ke-12 Negeri Pulau Pinang.

# DUN P. Pinang panas bincang Hilmi, PPSB roboh kuil

**GEORGE TOWN –** Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang menjadi panas semasa membincangkan insiden Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) yang didakwa merobohkan kuil berusia 50 tahun di *Bulk Cargo Terminal* (BCT), Perai tanpa sebarang notis pemberitahuan baru-baru ini.

Justeru, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh mendesak ADUN Teluk Bahang merangkap Pengerusi PPSB, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya mengaku bersalah serta memohon maaf kepada penganut Hindu di DUN Pulau Pinang.

"Sekurang-kurangnya pihak PPSB perlu berbincang dengan penganut Hindu yang pergi ke kuil berkenaan, bukan terus meroboh kuil tersebut.

"Bolehkah ADUN Teluk Bahang mengaku bersalah dan minta maaf di Dewan (DUN) yang mulia ini," ujar Jagdeep di sini.

ADUN Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin dan R.S.N Rayer (ADUN Seri Delima) turut mendesak Hilmi suapaya berhenti dari berdolak-dalih dalam insiden kontroversi itu.

Hilmi dalam reaksi spontan menolak tuntutan Jagdeep itu atas alasan kesalahan itu dilakukan oleh pegawai bawahannya.

Malah menurut Hilmi, kuil itu wajar dirobohkan atas faktor keselamatan.

"Saya memang mengaku bersalah. saya boleh memohon maaf tapi..."

"Saya tak tahu langsung ada kuil di situ. Isu kuil itu tidak pernah dibincang dalam lembaga pengarah," ujarnya.

Tuntas dari itu, Hilmi merayu kepada Tuan Speaker DUN, Datuk Abdul Halim Hussain untuk membawa insiden kontroversi itu ke mesyuarat lembaga pengarah PPSB terlebih dahulu sebelum memberi respons sama ada untuk memohon maaf kepada penganut Hindu atau sebaliknya.

## Coret-coret



SETIAUSAHA Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus (kanan) berjabat tangan dengan ADUN Pengkalan Kota, Lau Keng Ee pada Majlis Perasmian Mesyuarat Pengggal Kelima DUN Ke-12 Negeri Pulau Pinang.



KETUA Menteri membantu Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman mengenakan pakaian rasmi persidangan sambil diperhatikan isteri beliau, Betty Chew.



KETUA Menteri berjabat tangan dengan ADUN-ADUN pembangkang pada Majlis Perasmian Mesyuarat Pengggal Kelima DUN Ke-12 Negeri Pulau Pinang.

## Konspirasi RM880 juta Jambatan Pulau Pinang, rugikan rakyat

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri mengalami kerugian berjumlah RM132 juta rentetan penstrukturan semula syarikat konsesi Jambatan Pulau Pinang pada tahun 1995.

Perkara tersebut telah dibentangkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal yang juga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng bagi menjawab soalan lisan yang diajukan oleh ADUN Padang Lalang, Tan Cheong Heng pada Sidang Dewan Undangan Negeri di sini baru-baru ini.

Hock Seng berkata, Jambatan Pulau Pinang yang telah siap dibina pada 1 Jun 1982 oleh Kerajaan Persekutuan dengan kos sebanyak RM943.54 juta, pada mulanya diselenggarakan oleh Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM).

"Walau bagaimanapun, ianya telah diswastakan kepada Syarikat Mekar Idaman bagi tempoh 25 tahun (1 Oktober 1993 hingga 31 Mei 2018) dengan nilai konsesi yang telah dipersetujui Kerajaan Persekutuan iaitu sebanyak RM550 juta.

Tambahnya, semasa pengambilalihan konsesi Jambatan Pulau Pinang oleh Syarikat Intria Berhad daripada Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. pada tahun 1995, nilai ekuiti 15% sepatutnya diserahkan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi pihak Kerajaan Negeri selaras dengan arahan Unit Perancang Ekonomi (EPU) sejak 1993 lagi.

"PDC telah membeli 15% ekuiti atau 375,000 unit syer (kadar RM1.00 per syer seperti yang ditetapkan pada 1 Februari 1994)," ujar Hock Seng.

Jelas beliau, penyusunan semula Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd. telah dimuktamadkan di mana Syarikat Intria Berhad telah membayar keseluruhan harga belian RM880 juta iaitu pembayaran tunai sebanyak RM224,001,600 dan penerbitan saham biasa baru sebanyak 157,036,642 unit (pada kadar RM4.05 sesaham) dalam Syarikat Intria Berhad.

"Walau bagaimanapun, sejak syarikat konsesi tersebut (Syarikat Mekar Idaman Sdn. Bhd.) mengalami masalah kewangan, ahli lembaga syarikat konsesi telah bersetuju untuk penstrukturan semula.

"Malangnya, tidak ada satu sen pun diperoleh Kerajaan Negeri. Ia adalah satu skandal besar yang merugikan rakyat Pulau Pinang," tegasnya.

Dalam pada itu, ADUN Air Putih yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng yang turut serta dalam sidang media khas yang diadakan selepas persidangan turut mempersoalkan pegangan 15% yang tidak langsung diterima oleh Kerajaan Negeri.

"Tak mungkin Jambatan Pulau Pinang kerugian apabila setiap hari pungutan tol dijalankan.

"Setiap tahun, hasil pungutan tol Jambatan Pulau Pinang hampir mencecah RM176 juta dan sehingga 31 Disember 2038 kelak, jumlah tersebut boleh mencecah RM5 bilion," ujar Guan Eng yang turut terkilan kerana kepentingan Kerajaan Negeri dalam pegangan ekuiti Jambatan Pulau Pinang tidak diambil berat dan tidak dihiraukan.

Beliau turut tidak menolak kemungkinan wujudnya skandal (penyelewengan) dan konspirasi di sebalik isu penjualan konsesi Jambatan Pulau Pinang yang bernilai RM880 juta tersebut.

Mesyuarat Penggal Ke-5 DUN Ke-12 Negeri Pulau Pinang.

# Rakaman bukti Guan Eng kata "terancam" bukan "dirobohkan"



ADUN Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man, ADUN Penanti, Datuk Mansor Othman, ADUN Air Putih yang juga Ketua Menteri, ADUN Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy menunjukkan dokumen pada sidang media berhubung perobohan kuil Hindu oleh PPSB.

**GEORGE TOWN -** "Kalau ini boleh berlaku sebelum pilihanraya, selepas Pilihanraya (umum) ke-13, sekiranya UMNO kembali berkuasa, saya rasa semua kuil terancam."

Demikian rakaman asal Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang yang didedahkan oleh Speaker DUN, Datuk Abdul Halim Hussain.

Pendedahan itu sekaligus menjawab tuduhan pembangkang kononnya Speaker cuba bersikap bias serta cuba melindungi Guan Eng daripada diheret ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pada sesi persidangan di sini.

"Saya tolak sebab usul itu pun tidak betul. Yang disebut Ketua Menteri (adalah) 'terancam'... diulang sebanyak dua kali lagi.

"Kedua fakta itu pun tak betul dan tak perlu disegerakan kerana bukan untuk kepentingan orang ramai," ujar Abdul Halim pada satu sidang akhbar di DUN Pulau Pinang, di sini.

Sebelum itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Dua, Jasmin Mohamed mengemukakan satu usul bagi mengheret Guan Eng ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan atas anggapan Ketua Menteri itu mengeluarkan kenyataan berunsur hasutan; tetapi ditolak oleh Speaker DUN.

Beliau menggunakan Perkara 34.8 Akta Peraturan Mesyuarat, iaitu usul tanpa notis kononnya membabitkan kepentingan awam yang mesti disegarakan untuk diperbincangkan di dewan.

Ketua Pembangkang merangkap ADUN Penaga, Datuk Azhar Ibrahim cuba mempertahankan usul itu sebelum mengajak semua ADUN pembangkang lain meninggalkan dewan.

Sehari sebelum itu, mereka turut bertindak keluar dari dewan kerana menganggap Speaker tidak adil semasa mengendalikan mesyuarat dewan.

Azhar dalam reaksi spontan berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan bahawa wujud unsur manipulasi hansard DUN dan berhasrat untuk membuat laporan polis.

Abdul Halim ketika diminta mengulas hal itu berkata, kenyataan semua wakil rakyat di DUN mempunyai imuniti di sisi undang-undang.

Pun begitu, katanya, pihak polis hatta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) boleh mendapatkan maklumat daripadanya mengenai kontroversi isu berwajib itu.

"Kita pergi pada fakta. Apa takutnya? Apa yang benar, maka ia benar. Tidak ada (manipulasi), Ini dewan, institusi yang dipercayai oleh rakyat, sama seperti badan perundangan.

"Perkataan yang disebut ada emuniti. Itulah peranan speaker untuk menyemak kenyataan mereka. Polis boleh mendapatkan maklumat, itu sahaja," ujarnya Abdul Halim.

## Hari Kebabasan Akhbar Sedunia dirai di DUN

**GEORGE TOWN -** Hari Kebebasan Akhbar Sedunia turut diraikan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini 3 Mei lalu.

Sementara menunggu DUN bersidang, sekumpulan wartawan mengambil kesempatan meraikan hari bermakna itu dengan bergambar sesama sendiri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Abdul Malik Abul Kassim, Koid Teng Guan (ADUN Sungai Pinang) dan Ong Khan Lee (ADUN Kebun Bunga) turut meraikan perayaan harmoni itu.

Demi menuntut kebebasan akhbar yang lebih hakiki daripada pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, riben kuning telah diedarkan kepada wakil rakyat, kakitangan kerajaan, kaum wartawan dan pemerhati yang hadir.

Didapati, insiden beberapa wartawan mendakwa dibelasah oleh polis pada perhimpunan aman Bersih 3.0 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur baru-baru ini menjadi antara perbualan utama mereka di sini.

## Guan Eng nafi keluar kenyataan 'melampau' di *Business.fm*

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng mengaku tidak menyebut "*we don't care*" apabila ditanya oleh penemuduga mengenai hal perumahan di negeri berkenaan seperti yang dituduh oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Muhamad Farid Saad.

Malah, kata beliau lagi, jurubebah di *The Business Radio Station*, *business.fm* sendiri mengaku bahawa beliau tidak menyebut sedemikian.

"Sebab itu, saya minta Yang Berhormat (Muhamad Farid) menjelaskan bahawa saya sebut '*we don't care*' itu dalam konteks apa...Yang Berhormat (Muhamad Farid) sendiri sebelum ini tidak dapat menjelaskan saya kata itu dalam konteks apa.

"Mungkin saya tak mahu cakap dia (Muhamad Farid) bohong di dewan ini sekarang, tapi mahu dia tunjuk bukti... kerana ini adalah tuduhan oleh beliau yang menurut (jurubebah) *Business.fm* pun mengatakan saya tidak kata," ujar beliau di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Lantas itu, Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Azhar Ibrahim mempersoal niat Guan Eng kerana membangkitkan hal tersebut pada kala Muhamad Farid tidak berada di Dewan.

"Sepatutnya Yang Berhormat (Guan Eng) bangkit di sini (sekarang), tetapi dia tak ada di sini (DUN)...sepatutnya Yang Berhormat boleh mengemukakan semasa dia (Muhamad Farid) datang," tegas beliau.

Beliau yang juga ADUN Penaga berkata, pihaknya akan memastikan Muhamad Farid hadir untuk menjawab penjelasan Guan Eng itu.

Guan Eng kemudiannya berkata bahawa beliau membangkitkan hal tuduhan Muhamad Farid itu berdasarkan peraturan mesyuarat Dewan.

"Peraturan mesyuarat sepatutnya dikemukakan seawal-awal kepada Tuan Speaker. Saya bukan minta dia (Muhamad Farid) jelaskan sekarang. Di sini, saya minta bantuan Speaker supaya dia (Muhamad Farid) buktikan mana buktinya.

"Saya harap Yang Berhormat (Muhamad Farid) dapat tunjukkan kebenaran, bukan sahaja pada saya malah pada Datuk Speaker DUN," balas Guan Eng.

Sebelum ini, akhbar Bahasa Inggeris, *The Star* melaporkan bahawa Muhamad Farid menuduh Guan Eng berkata "*we don't care*" apabila ditanya mengenai perumahan di negeri ini oleh seorang penemuduga.

"Saya telah mendengar fakta itu. Anda boleh kembali dan mendengar rakaman jika anda suka tetapi saya tidak ingat butiran (apa yang dikatakan)," kata Muhamad Farid ketika membahaskan usul terima kasih kepada ucapan pembukaan Yang Di-Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas.

Guan Eng meminta beliau mengemukakan bukti atas tuduhan itu.

"Apabila ini? Dalam apa konteks kenyataan yang didakwa dibuat? Jika anda ingin mengkritik, anda mesti memberikan konteks yang penuh.

"Anda tidak boleh hanya membuat kenyataan umum seperti ini," balas beliau sambil menyifatkan tuduhan Muhamad Farid itu tidak berpijak atas butiran serta bukti.

# Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang berjiwa rakyat sentiasa adil kepada semua.

## Pemilik Restoran DOREMI, Johar Ismail :

- Mohon maaf kepada Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri kerana publisiti negatif .
- Kesal dengan kesempatan yang diambil orang-orang dan organisasi tertentu sehingga beri publisiti negatif kepada Kerajaan Negeri.
- Ucap terima kasih di atas sumbangan RM20,000 Kerajaan Negeri.

21 Mac 2012

Johar Bin Ismail
D-5-1 Fasa 2, Flat Uda
Tanjung Tokong
10470 Pulau Pinang
K/p : 760120-07-[illegible]

YAB TUAN LIM GUAN ENG
Ketua Menteri Pulau Pinang
Tingkat 28, KOMTAR
10503 Pulau Pinang

YAB,

PER: PENYELESAIAN MASALAH GERAI DOREMI

Saya seperti nama dan alamat di atas mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan YAB Ketua Menteri dan YB Dato' Timbalan Ketua Menteri 1 sebanyak RM20 ribu dan juga bantuan dan nasihat daripada YB Haji Abdul Malik kepada saya berhubung dengan persetujuan saya mengosongkan premis restoran 'DOREMI'. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menawarkan seunit gerai di kompleks gerai Bayu Senja di Batu Feringghi tetapi malangnya perniagaan restoran saya tidak sesuai dengan tapak gerai di kompleks itu.

Saya juga merasa kesal atas publisiti negatif yang telah diadakan dan ini telah diambil kesempatan oleh orang-orang dan organisasi tertentu.

Saya juga memohon maaf kepada YAB Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri di atas publisiti negatif dan kejadian-kejadian yang tidak diingini yang telah berlaku akibat tindakan di atas kerja penguatkuasaan terhadap premis restoran yang lalu.

Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri di atas keprihatinan yang diberi terhadap masalah saya dan keluarga saya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

..............................................
( Johar Bin Ismail )
K/P : 760120-07-[illegible]
Akaun No : [illegible]
Nama Bank : [illegible]



PENGERUSI Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) bersama Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman bersalaman dengan Johar Ismail yang kesal dengan publisiti negatif babitkan Kerajaan Negeri.

## Rakyat Pulau Pinang jangan sesekali percaya fitnah-fitnah jahat yang dapat memecah-belahkan keharmonian negeri.

# Warga emas P. Pinang terima RM1,100 setiap tahun jika PR ke Putrajaya

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**TASEK GELUGOR** - Pakatan Rakyat berjanji menyumbang RM1,000 setiap tahun kepada kira-kira 2.1 juta warga emas di negara ini sekiranya mendapat mandat menubuhkan kerajaan pusat pada Pilihanraya Umum ke-13 (PRU ke-13) nanti, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Ketua Menteri Pulau Pinang berkata, "Tawaran Jingga" itu adalah komitmen bersama DAP, PKR dan PAS sebagaimana yang diumumkan oleh Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau mengulangi iltizam politik itu pada Majlis Sumbangan RM100 Kepada Warga Emas dan Ibu Tunggal Peringkat Seberang Perai Utara (SPU) anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

"Dengan lebihan kewangan, sungguhpun sumber kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) terhad, kita menyumbang RM100 (kepada warga emas) tiap-tiap tahun.

"Sekiranya berlaku perubahan di Putrajaya, 2.1 juta warga emas di tanah air ini, tiap-tiap tahun akan terima RM1,000 daripada kerajaan pusat seperti yang diumumkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim (Anwar).

"RM100 tetap diterima oleh Kerajaan Negeri 'berjiwa rakyat' (Pulau Pinang) ini, tambah RM1,000 lagi hasil sumbangan kerajaan pusat," ujar beliau di depan hampir 500 hadirin di Dewan Besar Sungai Dua dekat Parlimen Tasek Gelugor di sini.

Hadir bersama pada majlis itu, Lim Hock Seng (Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), A. Tanasegaran (Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam) dan Jusni Ismail (Pegawai Daerah Seberang Perai Utara).

Difahamkan, warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU) di negeri berkenaan yang mendaftar dengan Kerajaan Negeri menerima sumbangan RM100 tiap-tiap tahun

Itu, tidak termasuk sumbangan "*one-off*" anak baru lahir RM200 melalui Program Anak Emas bermula sejak tahun lepas.

Sehingga Mac lepas, kira-kira 7,079 ibu tunggal telahpun mendaftar dengan Kerajaan Negeri untuk menerima sumbangan.




**PARA Ibu tunggal dan warga emas bergambar kenang-kenangan selepas selesainya Majlis Penyampaian Sumbangan Program Warga Emas dan Ibu Tunggal Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah di sini.**



**SALAH seorang penerima sumbangan Kerajaan Negeri Peringkat Daerah Seberang Perai Selatan berjabat tangan dengan Ketua Menteri.**



**ANTARA penerima yang hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan Program Warga Emas dan Ibu Tunggal Peringkat Daerah Timur Laut di sini.**

## Ralat Pengarang

**9 MEI 2012**

**Memohon Maaf Dan Menarik Balik Penggunaan Ungkapan Tidak Sesuai "Bersuara atas kepentingan Melayu konon walaupun diri sebenarnya Melayu celup kopi" Di Dalam Siaran Buletin Mutiara Edisi 1 – 15 April 2012**

Bagi pihak Buletin Mutiara saya ingin menarik balik dan memohon maaf di atas penggunaan ungkapan tidak sesuai "Bersuara atas kepentingan Melayu konon walaupun diri sebenarnya Melayu celup kopi" sebagaimana disiarkan di dalam penerbitan Buletin Mutiara edisi 1 – 15 April 2012, muka surat 20, ruangan Tinta Pengarang.

Sebagai makluman, penulisan di dalam ruangan tersebut merupakan sumbangan (tidak dibayar) daripada penulis bebas yang merupakan anak jati Pulau Pinang dan berketurunan Melayu. Ekoran kejadian yang berlaku, pihak penerbitan telah mengambil tindakan segera dengan memberhentikan dan tidak lagi akan menerima sumbangan karya beliau bagi penerbitan akan datang.

Sebagai tambahan, pihak penerbitan juga akan turut memasukkan surat permohonan maaf ini di dalam penerbitan akan datang. Adalah tidak menjadi niat pihak redaksi Buletin Mutiara untuk menyinggung atau menyentuh sensitiviti mana-mana kaum di negeri ini khususnya. Buletin Mutiara akan memastikan kesilapan sedemikian tidak akan berulang lagi.

Pada masa yang sama, saya ingin menegaskan bahawa isi kandungan Buletin Mutiara diuruskan oleh pegawai-pegawai Jabatan Komunikasi tanpa dirujuk atau disemak oleh mana-mana pihak termasuk Y.A.B. Ketua Menteri, Ahli EXCO atau ADUN. Oleh itu, saya ingin juga meminta maaf kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Ahli EXCO atau ADUN kerana kesilapan pihak penerbitan Buletin Mutiara telah membuka ruang kepada pihak tertentu untuk membuat serangan yang tidak adil terhadap mereka semata-mata atas suatu kesilapan oleh pihak penerbitan Buletin Mutiara.

Satu semakan semula akan dijalankan untuk memantapkan pengurusan dan pentadbiran pihak penerbitan Buletin Mutiara agar kesilapan sedemikian tidak berulang lagi. Dengan ini bagi pihak Buletin Mutiara, saya menyusun sepuluh jari memohon maaf dan kesal dengan kesilapan serta kesulitan yang berlaku.

Yang benar,
**YAP LEE YING**
*Pengarah Jabatan Komunikasi*
*Kerajaan Negeri Pulau Pinang*

# Taman Mini Balik Pulau untuk kehidupan mapan rakyat

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**



CHOW Kon Yeow (lima dari kiri), Ar. Patahiyah Ismail (kiri sekali) bersama dif-dif jemputan ketika menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Taman Mini Balik Pulau di sini baru-baru ini.

**BALIK PULAU –** Dalam usaha untuk menjadikan Pulau Pinang lebih hijau, sebuah lagi taman rekreasi awam bakal diwujudkan di negeri ini dengan insiatif pengimplementasian kali ini adalah membabitkan tanah kerajaan PA 7209 dengan keluasan 734.44 meter persegi di sini.

Pembinaan Taman Mini Balik Pulau oleh kontraktor Pembinaan Satria telah dimulakan pada 2 April lalu dan dijadualkan siap sepenuhnya pada 13 Mei 2013. Keunikan taman tersebut adalah ia bakal menggabungkan landskap pokok buah-buahan, teduhan dan skulptur buah pala yang sinonim dengan Balik Pulau.

Pada masa sama, taman berkenaan juga bakal mempunyai sebuah pentas mini, air pancuran dan pergola yang boleh digunakan oleh orang awam untuk menjalankan aktiviti riadah seperti senamrobik

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, kewujudan Taman Mini Balik Pulau bakal dibina bakal menjadikan Kompleks Pasar Awam Balik Pulau (KPABP) lebih aktif dan berseri.

"Bagi merancakkan program Pulau Pinang Hijau dan Bersih, sebuah pusat kitar semula juga akan diwujudkan di kawasan KPABP,'' katanya sempena Majlis Pecah Tanah Taman Mini Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Yang diPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ar. Patahiyah Ismail; Setiausaha MPPP, Ir. Ang Aing Thye dan ahli majlis MPPP.

Dalam pada itu, beliau turut menekankan bahawa Kerajaan Negeri akan terus mempergiatkan usaha Pulau Pinang Hijau dan Bersih serta Program Majlis Perunding Komuniti di bawah Agenda Tempatan 21 bukan sahaja di Balik Pulau, malah, seluruh Pulau Pinang.

"Saya berharap penduduk kawasan sekitar Balik Pulau dapat memberi sokongan dan bergiat secara aktif dalam program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan MPPP dalam melahirkan generasi yang bukan sahaja menghargai alam sekitar, malah, turut menjadi warga sihat,'' jelas beliau.

## Sumbangan RM4 juta kembang bakat anak P.Pinang dialu-alukan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengalu-alukan sumbangan RM4 juta oleh Yayasan ECM Libra dan tiga individu lain bagi membina Pusat Pembelajaran Pulau Pinang (PLC) dan Akademi Badminton Pulau Pinang (PBA).

Mereka, Lim Kian Onn, Datuk Seri Kalimullah Hassan dan Datuk David Chua Ming Huat.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, partisipasi beberapa pihak berkenaan mungkin disebabkan status George Town yang diiktiraf oleh *ECA International* sebagai bandar paling sesuai didiami di Malaysia, selain berada pada kedudukan ke-8 di Asia dan ke-73 di peringkat global pada tahun 2012.

"George Town dan Pulau Pinang mengekalkan status terbaik (apabila) kami diiktiraf sebagai bandar raya paling sesuai didiami di Malaysia, maka (kemudahan) rekreasi dan pembelajaran diperlukan.

"Atas sebab ini, Pulau Pinang mengalu-alukan inisiatif ini sosial oleh ECM Libra dan tiga individu berkenaan," ujar beliau di Komtar di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Pengerusi Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer turut serta dalam sidang akhbar tersebut.

Difahamkan, rekod itu meletakkan Pulau Pinang lebih baik dari ibu negara Kuala Lumpur yang berada pada tangga ke-10 bandaraya paling sesuai didiami di peringkat Asia.

Menurut beliau, projek murni itu akan dibangunkan di atas 2.9 ekar tanah berhampiran Kampung Buah Pala di Seri Deliman dan Bukit Gelugor di sini.

Projek tersebut dijangka siap dalam tempoh 18 bulan.

Enam hingga lapan gelanggang badminton, perpustakaan A, tujuh kelas tuisyen serta kelas bahasa dan kantin antara komponen kemudahan dalam projek murni yang akan disediakan untuk seluruh rakyat Pulau Pinang.

Guan Eng yang juga ADUN Air Putih berkata, rakyat Pulau Pinang berpeluang untuk belajar bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin hatta Bahasa Tamil apabila projek murni itu siap sepenuhnya.

Justeri, beliau berharap kewujudan PLC dan BPA tersebut dapat melahirkan lebih ramai lagi jaguh dan tenaga pintar dalam kalangan anak Pulau Pinang.

# Elak pembaziran air, capai sasaran nasional

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Buat pertama kalinya dalam tempoh sembilan tahun, Pulau Pinang telah mencatatkan penurunan penggunaan air domestik, iaitu 291 liter perkapita sehari pada 2010 kepada 285 liter perkapita sehari tahun lalu.

"Ini adalah bersamaan dengan pengurangan sebanyak 1.9% atau 3.2 bilion liter padu.

"Walau bagaimanapun, sasaran penggunaan air di Pulau Pinang masih jauh ke belakang jika dibandingkan penggunaan air nasional sebanyak 203 liter perkapita sehari," kata Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng yang juga Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dalam kenyataannya di sini baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, dalam usaha berterusan ke arah usaha penjimatan air, PBAPP memperkenalkan '*Water Conservation Surcharge*' (WCS) pada kadar RM0.24 bagi setiap 1,000 liter padu sekiranya penggunaan melebihi 35,000 liter padu sebulan bagi membendung pembaziran air domestik.

Manakala, jelasnya, tarif air domestik ialah RM0.31 bagi 35,000 liter padu pertama setiap bulan iaitu kadar yang terendah di Malaysia. Pada masa sama, PBAPP juga telah mensubsidi RM58.9 juta (2011) bagi memastikan warga Pulau Pinang menikmati tarif air yang terendah.

"Terdapat 100% liputan bekalan air di kawasan bandar dan 99.7% di kawasan luar bandar Pulau Pinang tahun lalu.

"Ini membuktikan PBAPP sangat cekap dalam pengurusan air walaupun Pulau Pinang hakikatnya sebuah negeri yang tidak mempunyai jumlah air yang banyak," ujar beliau yang turut menyatakan bahawa kecekapan PBAPP telah mencatatkan jumlah kehilangan air yang terendah di Malaysia iaitu 18.4% (melalui kecurian dan kebocoran paip) dengan Pengurangan Air Tidak Terhasil (*Non Revenue Water* – NRW) pada 2011.

"Pencapaian tersebut adalah yang terbaik jika dibandingkan dengan purata nasional NRW iaitu sebanyak 36.2% (2010)," jelas beliau.

Dalam pada itu, ujar Guan Eng, pemasangan alat-alat penjimatan air atau *water saving devices* (WSD) juga antara langkah yang diambil oleh PBAPP dalam mengurangkan pembaziran air di Pulau Pinang.

Pada sidang media yang sama, Ketua Menteri turut mengucapkan tahniah kepada PBAPP atas kejayaan mereka memenangi anugerah berprestij '*WaterLinks*' bagi '*Best Water Operator Partnership 2011*'.

# Roboh kuil: BN tak hormat kebebasan beragama

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUTTERWORTH** – KETUA Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengulangi kecaman kepada Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) gara-gara kuil berusia hampir 50 tahun di *Perai Bulk Cargo Terminal* (BCT) dekat Kawasan Perindustrian Perai dirobohkan tanpa notis.

Antara langkah yang diorak ke arah itu adalah penganjuran Sambutan Ulangtahun Hampir 50 penduduk Hindu tempatan turut menyuarakan protes ke atas pihak berwajib, termasuk kepada Pengerusi PPC yang juga Presiden MCA, Datuk Seri Chua Soi Lek dan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya (Pengerusi PPSB merangkap Pengerusi Bahagian UMNO Balik Pulau).

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B, Tuan Lim Guan Eng pada sidang media di sini menyatakan bahawa insiden tersebut menjadi petanda kepada penganut Hindu di negara ini bahawa mereka (Barisan Nasional) tidak akan menghormati kebebasan beragama sekiranya masih terus berkuasa (menjadi kerajaan pusat).

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, pihak berwajib seharusnya menghormati kebebasan beragama.

"Sekurang-kurangnya beri notis pemberitahuan kepada mereka (penganut Hindu setempat sebelum merobohkan kuil)," tegas beliau.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, Prof. Dr. P. Ramasamy turut menyuarakan kecaman kepada pihak berkenaan.

Jurucakap Badan Bertindak Tuntut Bina Semula Kuil berkenaan, M. Goviin dalam reaksi spontan berkata, pihaknya akan mengumpulkan tandatangan (referandum) penganut Hindu berwajib bagi membuktikan kuil itu telah wujud sejak hampir 50tahun lepas.

Difahamkan, kuil itu didirikan sebelum pembangunan komersial dibangunkan di sini.



**WAKIL penduduk dan Badan Bertindak Tuntut Bina Semula Kuil berusia 50 tahun di BCT dekat Kawasan Perindustrian Perai bersalaman dengan Ketua Menteri sambil diperhatikan P. Ramasamy pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.**



**BEKAS tapak kuil yang dirobohkan.**

# Komtar *Scenic View* dibuka!

Oleh : **ZULIANA AZIZ**

**GEORGE TOWN** – Dek pemandangan Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) *Scenic View* kini dibuka kepada umum. Bertempat di tingkat 60 menara Komtar, pengunjung bakal disajikan dengan panorama menakjubkan meliputi daerah rantau timur laut Pulau Pinang.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang yang hadir bagi merasmikan Komtar *Scenic View* berkata, selain menikmati pemandangan menarik, pengunjung juga dapat menyaksikan pameran foto mengetengahkan lokasi-lokasi pelacongan dan sambutan perayaan berbilang kaum di negeri ini.

"Pada masa sama, pengunjung juga boleh mendapatkan ole-ole dari kedai cenderamata yang menyajikan pelbagai aksesori hiasan dan makanan ringan tempatan," ujar beliau sebelum berlangsungnya Majlis Perasmian Komtar *Scenic View* di sini baru-baru ini.

Komtar *Scenic View* dibuka bermula jam 10 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat dan tiket bagi dewasa adalah berharga RM5 dan kanak-kanak (RM 3). Pembelian tiket boleh dibuat di kaunter penerangan tingkat bawah Komtar (berhadapan pintu masuk lif dan berdekatan Bank Maybank). Bagi warganegara Malaysia, harga tiket istimewa RM3 (dewasa) dan RM1 (kanak-kanak) dengan hanya perlu menunjukkan MyKad masing-masing.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, hubungi talian 016 – 411 0000 atau 04 – 650 5136.



**PEMANDANGAN** sebahagian negeri Pulau Pinang yang dapat dilihat dari tingkat 60 Komtar *Scenic View*.



**SEBAHAGIAN** pameran foto yang terdapat di ruang pameran Komtar *Scenic View*.






**MOHD. Foaz Hamid**

# Pelantikan Presiden FAP baru atas dasar kualiti bukan politik

**GEORGE TOWN** – Bagi mengembalikan era kegemilangan bola sepak negeri, pelantikan Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) yang diumumkan baru-baru ini adalah berasaskan kecenderungan serta minat seseorang dalam bidang sukan berkenaan dan sama sekali tidak terikat dengan mana-mana parti politik.

Berasaskan kriteria tersebut, Ketua Menteri dalam majlis sidang akhbarnya telah mengumumkan pelantikan Mohd. Foaz Hamid selaku Presiden FAP yang baru. Malah, pada masa sama, Ketua Menteri turut menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan memberi sokongan penuh kepada FAP dalam usaha untuk 'kembali' gemilang.

Dalam pada itu, Mohd. Foaz menyatakan bahawa beliau akan cuba sedaya upaya untuk mengembalikan 'taring' bola sepak negeri ini.

"Saya juga berharap agar Kerajaan Negeri membenarkan pihak kami (FAP) menggunakan Stadium Bandaraya Pulau Pinang untuk menjalani latihan yang lebih komprehensif," ujarnya pada majlis pengumuman pelantikan beliau oleh Ketua Menteri di sini.

Tambah beliau, sekitar tahun 1970-an dan 1980-an, sukan bola sepak di Pulau Pinang bukan sahaja menjadi bualan hangat di warung-warung serta rumah-rumah, malah, turut menjadi perhatian seluruh Malaysia ekoran kehebatan yang ditonjolkan oleh para pemain.

"Kita (Pulau Pinang) mempunyai pasukan bola sepak yang sangat diminati dan menjadi inspirasi para remaja sekitar tahun berkenaan. Kini, pasukan bola sepak kita (Pulau Pinang) seolah-olah bagai kumbang patah taring," ujarnya.

Katanya lagi, Pulau Pinang akan dapat mengembalikan zaman kegemilangan bola sepak dengan sokongan dan kerjasama daripada semua sektor, sama ada pihak kerajaan mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

# 10,000 sertai Bersih 3.0 di P. Pinang

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Lebih 10,000 rakyat menyertai perhimpunan Bersih 3.0 di Padang Kota Lama tanpa provokasi polis sebagaimana yang disaksikan serentak di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 28 April lepas.

Mereka melaungkan "bersih" sebagai isyarat menuntut reformasi menyeluruh dalam Pilihanraya Umum ke-13 (PRU ke-13) dengan melaksanakan Lapan Tuntutan Bersih 3.0.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng semasa berucap menasihatkan pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya bersikap jujur dengan usaha membanteras pengundi hantu dalam daftar pemilih.

"Jika kerajaan (pusat) jujur, adil dan ikhlas dalam mengendalikan pilihan raya, laksanakan kesemua lapan tuntutan yang amat diharapkan menjadi realiti dalam PRU ke-13 akan datang.

"Pilihanraya yang adil menjadi harapan menggunung rakyat untuk dilaksanakan kerajaan yang diperintah oleh Barisan Nasional.

"Bukan sahaja pilihanraya yang bersih, kita mahu negara kita bersih dari penyelewengan kuasa dan rasuah.

"Suara rakyat yang dibuktikan hari ini adalah satu kenyataan yang ketara," ujar beliau di Sudut Pidato, Padang Kota Lama di sini.

Dalam pada itu, beliau turut menyuarakan desakan supaya Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof serta Timbalannya, Datuk Wira Wan Ahmad Wan Omar supaya melepas jawatan masing-masing selepas didedah mempunyai keahlian UMNO.

"Kita minta pengerusi dan timbalan pengerusi ketak jawatan dan tanding pilihan raya," tegas beliau.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang dan hampir semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) hadir dalam perhimpunan demokratik itu.

Dalam pada itu, Guan Eng turut memuji pihak polis Pulau Pinang kerana profesional dalam meramahi rakyat yang menyertai perhimpunan di negeri berkenaan.



**KETUA Menteri menyampaikan ucapan sambil disaksikan oleh lebih 10,000 peserta Bersih 3.0 di Padang Kota Lama, George Town di sini baru-baru ini.**

Pun begitu, beliau mengecam tindakan kasar polis ke atas rakyat yang menyertai perhimpunan aman berhampiran Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Beliau turut mengecam insiden beberapa wartawan mengaku dipukul oleh polis selain kemera mereka dirampas dan dimusnahkan semasa membuat liputan langsung di sekitar ibu negara pada hari yang sama.

"Saya juga mengutuk keras apabila ada wartawan yang bertugas dipukul oleh polis. Mereka menjalankan tugas, tak patut kamera mereka dirampas atau dimusnahkan," ujarnya.

Difahamkan, Wartawan akhbar *The Sun*, Radzi Razak dan seorang jurugambar akhbar *Malay Mail* antara mangsa keganasan polis di Dataran Merdeka.

Tuntas dari itu, beliau menyuarakan sokongan pada cadangan memakai pakaian hitam lengkap dengan reben kuning sempena menyambut Hari Kebebasan Akhbar Sedunia pada 3 Mei lalu.

# *Vision Park* bakal dinobat taman wilayah utara pertama

Oleh: **: ZULIANA AZIZ**

**BERTAM –** Bagi membolehkan rakyat Pulau Pinang menikmati kehidupan yang lebih berkualiti dan menambah nilai untuk pembangunan indah, Kerajaan Negeri melalui pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bakal mewujudkan sebuah Taman Rekreasi Fasa 1 *Vision Park* di Seberang Perai Utara (SPU) di sini.

*Vision Park* merupakan sebuah taman rekreasi yang bakal didirikan di atas tanah seluas 126 ekar yang telah diserahkan oleh Bertam Properties Sdn. Bhd. kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Malah, ia bakal dihijaukan dengan 22 spesies pokok merangkumi 300 jenis pokok serta beberapa kemudahan seperti tempat berjoging, berbasikal, taman permainan dan sebagainya.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bertam Properties, Datuk Roslan Ibrahim berkata, *Vision Park* terbahagi kepada dua komponen utama iaitu kawasan tasik atau kolam tadahan membabitkan kawasan seluas 61 ekar (di bawah selenggara Jabatan Pengairan dan Saliran, JPS) dan kawasan tanah lapang, 65 ekar (di bawah selenggara Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP).

"Sebanyak RM 2.8 juta diperuntukkan untuk penyelenggaraan dan pembinaan taman tersebut di mana RM 1.8 juta telah disumbangkan Kerajaan Negeri, manakala, selebihnya oleh pihak Bertam Properties. Buat masa ini, taman tersebut masih dalam peringkat penyelenggaraan sehingga hujung tahun ini," katanya di sini baru-baru ini.

Roslan berkata demikian ketika mengiringi Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow yang mengadakan lawatan khas ke tapak taman rekreasi berkenaan.



**ROSLAN Ibrahim (empat dari kanan) menunjukkan lokasi projek *Vision Park* kepada Chow Kon Yeow (dua dari kanan) dan Maimunah Mohd. Sharif (tiga dari kanan) bersempena lawatan tapak di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Yang DiPertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, taman berkenaan berpotensi menjadi sebuah taman wilayah merangkumi negeri-negeri di utara tanahair berikutan keluasannya mencecah 126 ekar.

"Taman ini merupakan taman rekreasi terbesar di wilayah utara tanahair dan kami (MPSP) berhasrat untuk menjadikannya sebagai taman wilayah pertama di utara Malaysia.

"Sehingga kini, masih terdapat lebih kurang 15 tapak yang masih kosong dan sesuai dibangunkan sebagai projek CSR di masa akan datang. Secara keseluruhan, kita (MPSP) mempunyai 37 tapak projek CSR," ujar Maimunah yang turut sama dalam sesi lawatan terbabit.

Tambah beliau, pihak MPSP kini masih belum mempunyai tarikh sesuai untuk membuka taman tersebut kepada orang ramai ekoran masih banyak kerja yang perlu dilakukan dan masih di peringkat permulaan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang

# SISTEM e-PINJAMAN PENUNTUT



**PERMOHONAN PINJAMAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**Peringatan !**
**Unit Pinjaman Penuntut/Biasiswa tidak melantik mana-mana agen untuk mengutip atau memberi bayaran. Sebarang urusan hendaklah melalui Unit Pinjaman Penuntut, Tingkat 29, KOMTAR.**

Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang.

## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Pemohon dilahirkan di Pulau Pinang atau sekurang-kurangnya bersekolah selama 5 tahun di Pulau Pinang.
- Ditawarkan tempat di Universiti / Institut Pengajian Tinggi (IPT). Bagi pemohon dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta, kursus yang diikuti hendaklah diluluskan oleh MQA (Malaysian Qualification Agency /Agensi Kelayakan Malaysia).
- Pinjaman untuk kursus yang bertaraf Sijil, Diploma, Diploma PJJ, Ijazah Pertama, Ijazah PJJ, Sarjana dan PHD.
- Pemohon yang sedang mengikuti kursus PraUniversiti / Matrikulasi tidak layak memohon.
- Pinjaman Kali Ke-2 hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah menyelesaikan bayaran balik pinjaman pertama.
- Permohonan adalah secara online.
- Sila lampirkan dokumen-dokumen yang telah **DISAHKAN BENAR** seperti berikut : :
  1. Salinan Kad Pengenalan dan Surat Beranak/Sijil Kelahiran
  2. Salinan Surat Tawaran Kemasukan Dari Universiti/Institusi
  3. Salinan Sijil Berhenti Sekolah, dan Surat Akaun (Testimonia)
  4. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) dan lain-lain sijil yang setaraf
  5. Salinan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan lain-lain sijil yang setaraf (Jika Ada)
  6. Salinan Sijl Politeknik/Diploma/Ijazah dan sebagainya (Jika Ada)
  7. Salinan Keputusan Matrikulasi/Asasi Sains (Jika Ada)
  8. Salinan Keputusan Peperiksaan bagi Tiap-tiap Tahun Akademik Penggal/Semester (Jika Ada)
  9. Pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) hendaklah mengemukakan salinan surat kelulusan kolej dan kursus yang dikeluarkan MQA (Malaysia Qualification Agency/Agensi Kelayakan Malaysia). (salinan tersebut boleh diperolehi dari IPTS berkenaan)
- Jumlah pinjaman yang ditawarkan mengikut taraf kursus:

| | |
|---|---|
| Ijazah Sains | RM 5,000 setahun |
| Ijazah Sastera | RM 4,000 setahun |
| Diploma Lanjutan Sains | RM 5,000 setahun |
| Diploma Lanjutan Sastera | RM 4,000 setahun |
| Diploma | RM 3,000 setahun |
| Sijil | RM 2,000 setahun |

- Pinjaman juga diberikan kepada Pelajar Pengajian Jarak Jauh dan Luar Kampus dengan kadar:

| | Kadar (Setahun) | Jangkamasa (Maksimum) |
|---|---|---|
| Ijazah (Sains) | RM 4,500 | 5 tahun |
| Ijazah (Sastera) | RM 3,500 | 4 tahun |
| Diploma | RM 2,000 | 3 tahun |

- Pinjaman kepada pengajian peringkat Sarjana dan PhD (pengajian dalam negeri sahaja):

| | Kadar (Setahun) | Jangkamasa (Maksimum) |
|---|---|---|
| Sarjana | RM 5,000 | 3 tahun |
| PHD | RM 5,000 | 3 tahun |

- Faedah yang dikenakan 2% (setahun) selama 5 tahun
- Dua(2) Orang Penjamin Bergaji RM1,000 ke atas diperlukan apabila Surat Perjanjian ditandatangani.
- Permohonan boleh dibuat secara *Online* di Laman Web berikut : http://epp.penang.gov.my
- Tarikh Buka Permohonan: 2 Mei, setiap tahun.
- Tarikh Tutup Permohonan: 31 Julai, setiap tahun
- Sila pastikan anda mengisi permohonan pinjaman dalam tempoh 3 hari selepas pendaftaran. Kemaskini borang adalah **3 HARI** dari tarikh pendaftaran dibuat. Sila **CETAK** borang permohonan yang telah diisi beserta dokumen-dokumen berkenaan yang telah **DISAHKAN** dan dihantar dalam tempoh **2 MINGGU** dari tarikh permohonan dihantar secara online ke alamat berikut:

**LEMBAGA TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT**
**NEGERI PULAU PINANG,**
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI,**
**PARAS 29, KOMTAR,**
**10503 PULAU PINANG**

# P. Pinang catat sejarah jadi tuan rumah TPOF 2012

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang mencatat sejarah dunia apabila telah dipilih menjadi tuan rumah bagi penganjuran *5th Tourism Promotion Organization Forum* 2012 (TPOF) yang bakal berlangsung pada 5 September hingga 7 September ini.

Hon Wai berkata, perkara tersebut telah dibincangkan pada satu sesi dialog di antara Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), IWK dan para penduduk Jalan Satu serta *Happy Valley*.

"Dalam perbincangan tersebut, saya telah mencadangkan agar satu kontrak dibuat di antara penduduk dan IWK supaya perkhidmatan pengosongan tangki dapat dilakukan.

"Ini penting bagi membolehkan penduduk mendapatkan perkhidmatan IWK untuk *Common Septik Tank* (CST) kerana sekiranya tangki penuh dan tidak diuruskan, limpahan akan mengalir ke longkang dan sungai hingga menyebabkan pencemaran,'' katanya pada Sesi Lawatan Khas CST di Jalan Satu, Air Itam di sini baru-baru ini.



**KAKITANGAN IWK melakukan kerja pengosongan tangki yang telah melimpah di CST Air Itam di sini baru-baru ini.**

## Pasukan kerja panel solar tercekap dunia terima penghargaan



**IR. Lim Kok Khong (berkaca mata, tiga dari kiri) menunjukkan anugerah yang dimenangi sambil ditemani pasukan kerjanya selepas menerima sumbangan penghargaan khas daripada Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.**

**PENGHARGAAN...** Sebagai penghargaan kejayaan Syarikat M.E.I. *Project Engineers* Sdn. Bhd. yang telah memenangi Anugerah Kejuruteraan Cemerlang Institusi Jurutera Malaysia, Kerajaan Negeri dengan berbesar hati telah menyampaikan sumbangan RM 1,000 beserta sijil penghargaan kepada pihak berkenaan di sini baru-baru ini.

Syarikat berkenaan telah dipilih berdasarkan kejayaan mereka menyiapkan dan merekabentuk kejuruteraan, perolehanan, pengurusan pembinaan (EPCM) dan penyiapan untuk 127 ekar kilang solar AUO *SunPower* di *Solar Valley,* Melaka, Alor Gajah dengan keupayaan pengeluaran tahunan melebihi 1 *Gigawatt Peak* iaitu sebuah solar panel tercekap di dunia.

Penyampaian sumbangan tersebut telah disempurnakan Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kepada Pengarah Urusan M.E.I. *Project Engineers* Sdn. Bhd., Ir. Lim Kok Khong di satu majlis ringkas di Komtar di sini. .

Menurut Ketua Menteri, walaupun AUO *SunPower* bertempat di Melaka, namun, tenaga kerja mahir kebanyakannya dari Pulau Pinang.

"Kemungkinan AUO *SunPower* boleh dibina di sini (Pulau Pinang) pada masa hadapan," ujar Ketua Menteri.

AUO *SunPower* merupakan industri pengeluar panel solar berasaskan silikon *monocrystalline* yang terbesar di Malaysia.

## Sudut Sisa Sifar isi tabung JKKK



**MANSOR Othman (kiri sekali), Maimunah Mohd. Sharif (dua dari kiri), Chong Eng (dua dari kanan) dan salah seorang ahli jawatankuasa PGC, Rosli Hassan (kanan sekali) mendemonstrasikan cara pengurusan dan pembuangan sisa buangan plastik pada Majlis Pelancaran Sudut Sisa Sifar JKKK Taman Alma Jaya di sini baru-baru ini.**

**PRAKTIKAL...** Sudut Sisa Sifar atau *Zero Waste Corner* yang dilancarkan di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Alma Jaya baru-baru ini merupakan projek perintis *Penang Green Council* (PGC) dalam meningkatkan kesedaran warga luar bandar terhadap kepentingan pengurusan dan pengasingan sisa buangan domestik.

Pelancaran yang disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman turut dihadiri oleh Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng; Yang diPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif dan ahli-ahli jawatankuasa PGC.

Sudut Sisa Sifar yang pertama seumpamanya di Pulau Pinang dilengkapi dengan tujuh buah tong pembuangan berkonsepkan kitar semula diperbuat daripada papan lapis yang bukan sahaja murah, malah, mudah diperoleh.

Setiap tong telah dilabelkan mengikut beberapa kategori sisa pembuangan domestik antaranya plastik, kaca, kertas, sisa elektronik, tin aluminium dan bahan bacaan.

Sisa-sisa buangan yang terkumpul akan dijualkan kepada syarikat-syarikat kitar semula dan wang hasil jualan tersebut akan disalurkan ke dalam tabung khas JKKK yang akan digunakan untuk kebajikan dan keperluan komuniti setempat.

# 26 pasukan bola sepak terima sumbangan RM 31,500

Oleh : **ZULIANA AZIZ**

**GEORGE TOWN –** Dalam usaha memulihkan reputasi pasukan bola sepak negeri ini yang dipercayai semakin hilang taringnya, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menyampaikan sumbangan kewangan RM 31,500.00 kepada 26 kelab bola sepak di bawah naungan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang ditemui ketika sidang medianya berhubung keputusan tersebut berkata, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan sumbangan RM1,500 kepada 11 kelab bola sepak Divisyen 1 manakala RM1,000 bagi 15 kelab bola sepak Divisyen 2 dan Divisyen 3.

"Kerajaan Negeri mahu melihat sebuah FAP yang berkesan dan profesional untuk menyumbang kepada pembangunan sukan bola sepak di Pulau Pinang.

"Lantaran itu, semua masalah pengurusan kewangan haruslah dibersihkan demi memulihkan keyakinan para penaja dan penderma. Justeru, Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan inisiatif FAP untuk menjalankan suatu audit khas oleh syarikat perakaunan bagi mengaudit pengurusan kewangan yang lepas," katanya di sini baru-baru ini.



**KETUA Menteri (berbaju kuning) menyampaikan sumbangan kepada wakil salah satu pasukan bola sepak negeri, Kelab Rekreasi Kongsi, Balik Pulau, Syed Fahmi Syed Hassan pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada 26 Pasukan Bola Sepak Bawah Naungan FAP di sini baru-baru ini.**

Menurut beliau, Kerajaan Negeri berharap FAP yang kini dipimpin oleh Presidennya, Mohd. Foaz Hamid dan Timbalannya, Prof. Datuk Dr. Zainuddin Md. Wazir akan mengembalikan semula sinar kegemilangan sukan bola sepak negeri ini.

"Sebagai bukti sokongan Kerajaan Negeri dan pemangkin semangat baru kepada pimpinan baru FAP ini, Kerajaan Negeri dengan sukacitanya membenarkan FAP menggunakan Stadium Bandaraya Pulau Pinang tanpa perlu menjelaskan hutang tertunggak yang lama berjumlah RM409,290.

"Walau bagaimanapun, rekod hutang tersebut akan tetap kekal dalam rekod kewangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). FAP hanya perlu membayar kos berkaitan yang akan datang sahaja," jelas Ketua Menteri.

Katanya, dengan tiga langkah iaitu membersihkan urusan kewangan, membenarkan penggunaan Stadium Bandaraya dan pemberian sumbangan berkenaan diharap ia bukan sahaja akan memberi harapan baru, malah, bakal membuka suatu lembaran baru kepada pentadbiran FAP.

---

## *D'Nonce Penang International Hiking Challenge* tarik 2,000 penyertaan

**GEORGE TOWN –** *D'Nonce Penang International Hiking Challenge* yang dianjurkan *D'Nonce Technology* Bhd. dan Kelab Pengembara Pulau Pinang dengan sokongan Kerajaan Negeri baru-baru ini telah berjaya mengumpulkan 2,000 peserta termasuk dari luar negara.



**SEBAHAGIAN peserta yang menyertai *D'Nonce Penang International Hiking Challenge* di sini baru-baru ini.**

Daripada jumlah tersebut, seramai 1,032 peserta menyertai acara kategori 1 iaitu '*Competitive Hike*' membabitkan jarak pendakian sejauh 9.5 kilometer manakala bakinya dalam acara kategori 2 iaitu '*Fun Hike*' (3.5 kilometer).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, program julung kali diadakan tersebut merupakan salah satu acara pendakian terbesar dalam sejarah negeri ini.

"Bukan itu sahaja, acara pendakian ini turut diadakan bersempena sambutan Hari Bumi bagi menghayati dan memberi kesedaran bahawa betapa pentingnya melindungi alam sekitar serta bersatu dalam membentuk masa depan yang mampan," katanya sebelum merasmikan acara tersebut di Taman Belia di sini baru-baru ini.

Acara pelepasan bagi kategori '*Competitive Hike*' telah disempurnakan oleh Ketua Menteri manakala Pengerusi *D'Nonce Technology*, Datuk Ahmad Ibnijahar hadir bagi merasmikan *D'Nonce Penang International Hiking Challenge* bagi kategori '*Fun Hike*' di Taman Perbandaran di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, isteri Ketua Menteri, Betty Chew Gek Cheng bersama anak bongsunya turut menyertai acara pendakian kategori '*Fun Hike*'. Turut sama, Konsul-General Thailand, Voradet Viravakin, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Wanita dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi serta Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim.

## Watikah jemputan SUKMA Pahang di P. Pinang

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOF**

**GEORGE TOWN –** Bagi menambah bahang kerancakan penganjuran Kejohanan Sukan Malaysia XV Pahang (SUKMA) 2012 yang bakal diadakan pada 7 hingga 16 Julai ini, rombongan disertai 84 wakil penganjur dengan sendirinya 'turun padang' bagi menyampaikan watikah jemputan kepada kontinjen negeri di sini baru-baru ini.




**ROMBONGAN Kembara Jelajah SUKMA Pahang 2012 bergambar kenang-kenangan di hadapan bangunan MSNPP di sini baru-baru ini.**

Program dikenali Kembara Jelajah SUKMA Pahang 2012 adalah julung kali diadakan. Malah, ia turut dimeriahkan dengan penyertaan penunggang motorsikal berkuasa tinggi.

Semua peserta jelajah tiba di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dengan disambut meriah oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Leong Then Choon serta pasukan kerja MSNPP.

Kok Fooi berkata, kehadiran kembara jelajah melambangkan persahabatan yang terjalin di antara negeri-negeri yang bakal berentap di dalam kejohanan berkenaan.

"Atlit-atlit mewakili negeri masing-masing di seluruh Malaysia akan bersaing dalam pelbagai jenis sukan untuk meraih seberapa banyak pingat yang mungkin. SUKMA merupakan platform amat penting untuk kita menjalinkan hubungan persahabatan serta silaturahim antara semua negeri melalui sukan," katanya pada Majlis Sambutan Kembara Jelajah SUKMA Pahang 2012 di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, di samping itu, para atlet juga berpeluang bergaul dan menguji sebaik manakah tahap kreadibiliti masing-masing.

"Sememangnya kontinjen Pulau Pinang telah bersedia. Mereka (atlit) kini menjalankan latihan sepenuh masa. Pulau Pinang bersama MSNPP kini di peringkat akhir bagi proses penyenaraian atlit-atlit yang bakal bertanding di SUKMA.

"Malah, Pulau Pinang juga akan melakukan satu program '*Countdown*' khas sempena SUKMA Pahang yang bakal berlangsung kelak. Pada penganjuran berkenaan, senarai nama atlit yang layak akan diumumkan" ujarnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Pahang, Datuk Wan Rosdy Wan Ismail yang turut serta dalam sesi rombongan terbabit berkata, sehingga kini, hampir 70 peratus persediaan telah siap dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Pahang.

# Kesabaran kunci kejayaan usahawan keropok lekor



Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**



KEROPOK lekor sedia untuk dipasarkan.

NOOR Ainshah Hassan Noordin.

**SELAIN** mencari kesempurnaan dalam resipi, cabaran utama dalam bidang perniagaan makanan adalah apabila melayan kerenah para pelanggan.

Atas pegangan '*customer always right*', pengusaha keropok lekor MHN Jaya Enterprise, Noor Ainshah Hassan Noordin, 46, berkongsi pengalaman 10 tahun beliau dalam bidang tersebut bersama Buletin Mutiara yang berkunjung ke kilang pemprosesan produk keluarannya di Kampung Tun Sardon, Penanti, Seberang Perai Tengah.

Menurut Noor Ainshah, tidak dinafikan, kesabaran dan kesungguhan dalam menghadapi apa jua rintangan terutamanya dalam melayan kerenah pelanggan merupakan salah satu faktor kejayaan beliau kini.

"Terdapat pelbagai jenis, ragam dan perangai pelanggan. Tapi, saya sentiasa pegang bahawa '*customer always right*'. Sebagai peniaga, kita perlu tahan dan sabar.

"Namun, ada suatu ketika, kak (Noor Ainshah) menangis depan pelanggan kerana dimarah gara-gara bayaran. Sebab kita (Noor Ainshah) percaya padanya, kita bagi (beri) dia (peniaga) bayar secara mingguan. Tapi, apabila kita minta, kita pula yang kena marah berkali-kali," jelas beliau.

Selain itu, Noor Ainshah menjelaskan bahawa, bidang perniagaan tersebut memerlukan banyak kesabaran dan komitmen. Semua pelanggan inginkan bekalan tetap dan perlu dihantar tepat pada waktunya ke lokasi setiap hari.

"Contohnya, apabila tiba musim hujan, bekalan ikan adalah tidak mencukupi untuk menampung jumlah permintaan pelanggan dan kadang-kala berlakunya kesilapan teknikal sehingga menyebabkan penghantaran barang (keropok lekor) lewat, maka, kami (pihak pembekal) juga akan dimarah," katanya sambil menjelaskan bahawa faktor-faktor tersebut tidak pernah melunturkan semangat beliau untuk terus berusaha dan memperbaiki 'kelemahan' yang diketengahkan para pelanggan.

Selain Pulau Pinang, keropok lekor keluaran MHN Jaya Enterprise turut dipasarkan ke Kedah, Perlis dan sekolah-sekolah di sini.

Resipi keropok lekor Noor Ainshah adalah berasal dari negeri Terengganu Darul Iman. Namun, ia telah disesuaikan mengikut citarasa tempatan.

Bagi memperoleh resipi sempurna, beliau menyatakan bahawa tempoh enam hingga tujuh tahun adalah diperlukan. Pada peringkat permulaan, keropok lekor yang dihasilkan adalah keras dan apabila digoreng, ia akan 'meletup' terkena minyak panas.

"Dari situ, kita perbaiki dan ada pelanggan yang baik, mereka (pelanggan) akan maklum bahawa resipi dah *okay* ataupun sebaliknya," ujar Noor Ainshah sambil menyatakan bahawa bahan asas yang digunakan adalah isi ikan, tepung ubi, sagu dan garam.

Secara puratanya, sebanyak 3,000 batang keropok lekor diproses setiap hari dan gerak kerja adalah bermula pada jam 4 pagi hingga 4 petang.

Dengan kekuatan seramai 13 pekerja yang berkomitmen tinggi, semua kerja dijalankan dengan terurus dengan penghasilan produk berkualiti.

Umumnya, keropok lekor yang dihasilkan dapat bertahan dalam tempoh dua hingga tiga hari sekiranya ia tidak bercampur (diletak bersama) dengan barangan lain. Sekiranya disimpan di dalam tempat sejuk beku, ia dapat bertahan sehingga 2 minggu hingga sebulan.

Bagi perancangan masa depan, Noor Ainshah ingin memproses isi ikan untuk dipasarkan kepada pengusaha-pengusaha keropok lekor yang lain. Malah, beliau juga ingin memahiri kemahiran membuat keropok keping dan segera.

***Bagi tempahan dan maklumat lanjut, hubungi :***
013 – 480 5133 (untuk tempahan melebihi 400 batang) ; 019 – 444 5133 ; 019 – 573 6133.



KEROPOK lekor yang dihasilkan.



KOMITMEN para pekerja menghasilkan produk keropok lekor berkualiti.

# FAP sasar bawa P. Pinang ke Liga Perdana - Foaz



MOHD. Foaz Hamid.

**TRANSISI** kepemimpinan tertinggi dalam Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) baru-baru ini sangat ditunggu-tunggu dengan harapan akan mengangkat semula mutu bola sepak negeri ke persada Liga Perdana kelak.

Ikuti wawancara eksklusif wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** dengan Presiden FAP yang baru, Mohd Foaz Hamid (MF).

**BM : Bolehkah Tuan menjelaskan serba ringkas mengenai perkembangan terbaru dalam FAP yang sebelum ini pernah meledak perhatian banyak pihak?**

**MF :** (Pasukan) Pulau Pinang - AUCMS (*Allianze University College of Medical Sciences*) tinggal lima perlawanan lagi selepas menang dengan Melaka 2-1 baru-baru ini.

Peluang untuk naik ke Liga Perdana boleh dengan syarat kita harus menang kesemua permainan. Saya rasa, FAP boleh melonjak naik lebih awal kembali ke Liga Perdana (dengan) syarat mempunyai pengurusan FAP yang hakiki serta profesional.

FAP sebelum ini memang diakui berdepan dengan pelbagai cabaran dan prestasi pemainan yang tidak menentu juga menarik perhatian banyak pihak.

**BM : Tadi, Tuan ada menyebut mengenai hal cabaran. Apakah cabaran sebenar yang dihadapi oleh FAP.**

**MF :** Cabaran…banyak cabarannya. Menjadi seorang presiden baru FAP pun, saya sendiri diusik dengan pelbagai cabaran. Mereka yang dekat dengan FAP lebih tahu hal yang sebenar, iaitu FAP berdepan dengan hal kewangan yang meruncing.

Hal kewangan ini dialami sejak zaman (Ahli Parlimen Bayan Baru) Datuk Seri Zahrain Mohamed Hashim menjadi Presiden (FAP) sehinggalah jawatan nombor satu itu berpindah tangan kepada saya pada 14 April baru-baru ini. Tak perlulah mengulas mengenai kalah dan menang antara saya dan Datuk Seri (Zahrain) dalam saingan baru-baru ini. Yang penting, FAP tidak perlu menoleh ke belakang dengan menajamkan semua cabaran yang berlaku dalam FAP.

Saya dan barisan kepemimpinan baru FAP akan mara ke depan walaupun semasa saya mengambil alih FAP ini, dana yang ada tinggal hanya RM5,377 sahaja. Itulah duit yang mahu digunakan untuk pengurusan dan operasi permainan untuk musim (tahun) ini.

**BM : Dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang baru-baru ini, ADUN Delima, R.S.N Rayer ada membangkitkan hal FAP kononnya menerima layanan dingin daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Adakah 'layanan dingin' yang dimaksudkan ini adalah FAP tidak mendapat komitmen kewangan daripada Kerajaan Negeri?**

**MF** : Itu dulu…tetapi sekarang lain.. Pada pendapat saya, kita haruslah mempunyai hubungan yang baik dengan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, dalam tiga bulan ini, saya serta pengurusan saya (FAP) perlu mencari dana untuk membayar segala perbelanjaan Pejabat dan Pengurusan FAP. Ini sudah masuk bulan kedua kami usahakannya, Alhamdulillah ok.

Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Lim Guan Eng dalam pertemuan baru-baru ini berkata, beliau mahu FAP ini bebas dari pengaruh politik serta fokus pada meningkatkan mutu sukan bola sepak yang sebenarnya sangat diminati oleh rakyat pelbagai kaum di negeri ini. Beliau ada meminta saya melantik seorang akuantan untuk mengemaskini akaun FAP sebagai persediaan untuk diauditkan.secara telus dan amanah. Y.A.B. Ketua Menteri juga menyaranan supaya melantik sebuah firma audit antarabangsa. Kalau boleh, lantik KPMG sebagai juru audit. Akauntan dan Juru Audit ini akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri berkata pihaknya akan membantu FAP untuk menyalurkan dana tidak lama lagi. Mungkin bajet Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun depan, FAP akan diberi perhatian.

**BM : Apakah fokus Tuan selepas diberi amanah untuk memimpin FAP.**

**MF :** Saya dan kawan-kawan dalam FAP ini semuanya 'kaki bola', bukan orang politik. Tentu saya nak lihat kejayaan dalam FAP ini. Setiap bulan kami memerlukan sekurang-kurangnya RM50,000.00 sebulan bagi menguruskan pasukan Piala Presiden, liga Divisyen 1, 2 & 3 dan Pengurusan Pejabat.

Untuk itu, kami sedang mengatur beberapa langkah untuk mendapatkan dana kewangan.Kami sedang berusaha mendapatkan sokongan korporat selain mengadakan program berorientasikan kewangan seperti majlis makan malam kelak. Soal urus pasukan bola sepak juga perlu lebih profesional supaya kualiti pemain benar-benar layak yang akan dipilih untuk mewakili Pulau Pinang. Buat masa ini, pengurusan pemain Pulau Pinang perlu mengambil kira kontrak dengan AUCMS sebagaimana yang dipersetujui bersama oleh pengurusan Datuk Seri (Zahrain) sebelum ini.

Saya sendiri turun padang, menyaksikan sendri kualiti pemainan mereka, disiplin di padang serta kualiti latihan oleh jurulatih-jurulatih kita. Saya mahu berkongsi cita-cita dengan seluruh pemain, jurulatih sehingga peminat sukan ini, iaitu Pulau Pinang mesti mara sebagai jaguh.

Maka, saya minta semua yang terlibat dengan FAP ini fokus pada tiga perkara. Pertama, haruslah berinteraksi sesama pemain dengan pengurusan untuk meningkatkan prestasi bola sepak Pulau Pinang. Kedua, perlu ada keyakinan dan sokongan yang padu dalam kalangan rakyat terhadap pasukan bolasepak Pulau Pinang. Ketiga, meningkatkan sumber kewangan FAP sendiri supaya pemain yang benar-benar terbaik dan berkualiti boleh dipilih beraksi dalam pasukan Pulau Pinang.

**BM : Sebagai pengakhiran, apakah harapan Tuan untuk FAP ini.**

**MF :** Saya harap pasukan Pulau Pinang akan kembali ke Liga Perdana lebih awal dari yang dijangka dengan barisan pemain yang benar-benar profesional serta jujur dalam arena sukan ini. Kalau kita mempunyai kewangan yang lebih kukuh, saya bercita-cita untuk mendekatkan FAP dengan sekolah-sekolah sukan seperti Penang Free School, Sekolah (Menengah Kebangsaan) Teluk Kumbar, Sekolah (Menengah Kebangsaan) Guar Perahu dan Sekolah (Menengah Kebangsaan) Mutiara Impian.

Mungkin dengan interaksi sebegini dapat memperkukuh pasukan Pulau Pinang dengan melahirkan pemain-pemain yang berbakat tinggi, profesional dan jujur dalam sukan ini.

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya Ketua Menteri kerana komited untuk membantu FAP mengembalikan era kegemilangan bola sepak negeri.

# MPPP, 30 penduduk perangi denggi di Telok Kumbar




**PARA sukarelawan menunjukkan isyarat bagus selepas selesainya program gotong-royong mencegah wabak denggi di Taman Perda Telok Kumbar di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAYAN LEPAS -** Hampir 30 penghuni Taman Perda Telok Kumbar, di sini, bergotong-royong membersihkan kawasan flat mereka bagi mencegah wabak denggi di samping merealisasikan kempen kesedaran "Bersih dan Hijau Pulau Pinang".

Program anjuran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) itu turut disertai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Telok Kumbar dan badan bukan kerajaan (NGO) *Go-Green*.

Mereka giat membersihkan kawasan buang sampah sementara, takungan air, longkang-longkang serta kawasan persekitaran yang mampu membiak nyamuk Aedes.

Ahli MPPP, Mohd. Yusof Mohd. Noor berkata, kempen kesedaran adalah langkah terbaik untuk mengelak kes demam denggi, di sini, berulang.

"Gotong-royong sebegini sangat baik. Tetapi, yang lebih baik adalah menyedarkan setiap dari kita tentang bahaya wabak (denggi) ini," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat.

Beliau berkata, kesedaran akan mendorong rakyat untuk menjaga alam sekitar secara berterusan.

Turut berucap, Penasihat *Go-Green* Zolkifly Md. Lazim, Zailan Zainon (Pengerusi JKKK Telok Kumbar) dan Mohd. Saifullizan Razali (wakil pejabat Pegawai Penyelaras KADUN Bayan Lepas, Asnah Hashim).

## Stesen bas DUN Bayan Lepas bakal dinaiktaraf

**TELUK KUMBAR**– Masalah stesen bas rosak dan tidak berbumbung di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayan Lepas terutamanya melibatkan kawasan Teluk Kumbar kini mendapat perhatian khas daripada Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Iszuree Ibrahim.

Iszuree ketika dihubungi Buletin Mutiara berkata, perkara tersebut telah dilanjutkan kepada Jabatan Kejuruteraan MPPP untuk diambil perhatian sewajarnya.

"Perkara ini telah dibangkitkan pada tahun sudah (2011) iaitu semasa Mesyuarat Bajet MPPP bersama Yang diPertua Majlis antaranya melibatkan dua kawasan iaitu Kampung Matahari Naik dan Taman Sahabat di sini.

"Lanjutan itu, kedua-dua stesen bas tersebut telah dibaiki sepenuhnya dan kini inisiatif tersebut ditumpukan pula kepada stesen-stesen bas lain di sekitar kawasan ini," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, antara stesen bas yang diberi perhatian serius adalah hentian bas lama di persimpangan Jalan Pekan Teluk Kumbar di sini.

"Hasil tindakan lanjut, stesen bas tersebut telah dipindahkan oleh MPPP ke lokasi baru dan ia kini memudahkan kenderaan untuk melaluinya.

"Usaha-usaha susulan bagi penambahbaikan stesen hentian bas sememangnya di dalam pemantauan saya sendiri dan pihak MPPP untuk memberi keselesaan dan kemudahan kepada rakyat," jelas Iszuree



**KEADAAN stesen bas yang rosak dan tidak berbumbung di Teluk Kumbar di sini.**



**RUPA bentuk kabel yang menjadi sasaran pencuri logam.**

## Curi logam dalam dawai, penduduk rugi RM100,000

**SEBERANG PERAI –** Penduduk rumah pangsa Taman Baiduri menanggung kerugian kira-kira RM100,000 ekoran kes kecurian logam di dalam dawai elektrik milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di sini baru-baru ini.

Kejadian tersebut menyebabkan 30 buah alat elektrik di 47 buah rumah pangsa kos rendah rosak akibat kejadian litar pintas.

Menurut jurucakap Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Soon Lip Chee, kes kecurian yang dilaporkan merupakan kejadian kedua dalam tempoh masa seminggu di mana kes sebelumnya berlaku di Butterworth.

"Kes kecurian di Butterworth adalah melibatkan kecurian di rumah kedai serta pencawang elektrik. Akibatnya, penduduk serta pemilik rumah kedai terpaksa menanggung kerugian.

"Mungkin disebabkan harga pasaran logam yang tinggi sekarang telah mendorong suspek untuk melakukan kegiatan tidak bermoral tersebut. Mereka (suspek) mencuri dan kemudiannya menjual dengan harga tinggi demi mengaut keuntungan dengan cara singkat," ujar Lip Chee ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara baru-baru ini.

Malah, menurut Lip Chee lagi, terdapat satu kes kecurian dawai yang berlaku di kawasan Industri Kecil Sederhana (IKS) Juru pada pertengahan bulan April lalu sehingga mengakibatkan sebahagian pemilik industri ringan tidak dapat beroperasi.

"Setakat ini, belum ada sebarang tangkapan dibuat kerana tiada bukti jelas dan suspek dipercayai menjalankan aktiviti pada waktu tengah malam," tambah beliau.

"Kami (MPSP) berharap penduduk yang mengalami masalah gangguan elektrik supaya menghubungi TNB di talian 15415 pada kadar segera. Ini adalah bagi membolehkan pihak terbabit dapat mengambil tindakan segera di pencawang elektrik," tambah Lip Chee.

# MPSP usaha kutip botol untuk dikitar semula

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**SEBERANG PERAI –** Bagi menyahut seruan Kerajaan Negeri dalam menjadikan negeri ini lebih hijau, bersih, sihat dan selamat, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah melantik sebuah syarikat khusus bagi mengitar semula semua jenis botol terpakai.

Pusat Kitar Semula Tzu Chi yang terletak di Jalan Mohd. Saad, Bagan, Seberang Perai Utara (SPU) di sini merupakan satu-satunya lokasi untuk mengitar semula botol-botol terpakai di sini.

Pengerusi Jawatankuasa LA21 MPSP, Soon Lip Chee berkata, MPSP merupakan pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama yang mengambil inisiatif melancarkan kempen kitar semula botol-botol terpakai di negeri ini.

"Buat masa ini, pada tempoh sebulan sekali, kami (MPSP) akan menyediakan lori untuk mengutip botol-botol di sekitar Seberang Perai dan seterusnya dihantar ke Pusat Kitar Semula Tzu Chi.

"Walau bagaimanapun, orang ramai yang tinggal di kawasan lain masih boleh menghantar botol-botol terpakai ke pusat-pusat sumber alam sekitar yang terdapat di setiap daerah iaitu Seberang Perai Selatan (SPS) dan Seberang Perai Tengah (SPT) untuk tujuan sama," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambahnya, MPSP akan sentiasa menjalankan kajian dan memantau perkembangan kutipan botol terpakai dari semasa ke semasa. Oleh itu, jika didapati kutipan botol makin bertambah di masa hadapan, MPSP akan cuba mempertingkatkan operasi kutipan dengan menambah bilangan perjalanan lori kepada dua atau tiga kali setiap bulan.

"Kami amat menggalakkan setiap pemilik rumah serta pemilik premis perniagaan agar menyimpan botol-botol terpakai dan menghantarnya ke pusat kitar semula.

"Ini adalah bagi mengelakkan timbunan sampah dan bahaya kepada penduduk setempat ekoran kesan daripada pembuangan botol yang tidak terkawal," tambah beliau lagi.

Dalam pada itu, orang awam juga boleh menghubungi Lip Chee pada talian 012 – 429 0163 bagi menyalurkan maklumat mengenai tempat-tempat yang tidak dilalui lori MPSP bagi pengutipan botol-botol terpakai.



**SOON Lip Chee (dua dari kiri) menunjukkan botol-botol terpakaia yang terdapat di Pusat Kitar Semula Tzu Chi untuk dikitar semula di Jalan Mohd. Saad, Bagan di sini.**

# MPPP ukur tanah implementasi projek jalan baru

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) melalui Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM600,000 bagi menjalankan kerja pengukuran berhubung cadangan pembinaan jalan berkembar dari Jalan Tanjung Bungah ke Teluk Bahang di sini baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Lalu Lintas MPPP, Muhammad Sabri Md. Osman berkata, jalan tersebut merupakan alternatif kedua buat masyarakat setempat terutamanya dalam menghadapi sebarang kecemasan mahupun bencana.

"Walaupun pada dasarnya kerja pengukuran tanah ini akan mengambil masa yang agak lama untuk disiapkan, tetapi ia akan menjadi alternatif berguna di masa akan datang.

Kerja-kerja tersebut bukan sahaja melibatkan penduduk setempat, malahan, tanah-tanah yang terlibat perlu dikenalpasti milik Kerajaan Negeri ataupun sebaliknya terlebih dahulu," ujarnya kepada wakil Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambah Muhammad Sabri, Bahagian Kejuruteraan MPPP kini sedang dalam rangka mengadakan perbincangan bagi melantik konsultan berkelayakan melalui tender terbuka yang akan diumumkan kemudian.

"Sekiranya kerja-kerja mengukur tanah tidak dijalankan dengan segera, berkemungkinan dua hingga tiga tahun akan datang harga tanah dinaikkan gara-gara proses pengambilalihan berkenaan," jelas beliau.

Beliau memberitahu, semua harga tanah akan dibekukan sementara waktu sepanjang proses pengukuran tersebut dijalankan termasuk kawasan Batu Feringghi yang mempunyai nilai amat tinggi.



**MUHAMMAD Sabri Md. Osman.**

# Kes curi logam penutup tiang lampu serius



**KEPINGAN besi yang dicuri menyebabkan pendawaian elektrik terdedah dan mengundang bahaya awam.**

**BAYAN LEPAS –** Kepingan besi penutup tiang-tiang elektrik yang hilang dicuri mendapat perhatian khas Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Iszuree Ibrahim ekoran ia membabitkan keselamatan awam.

Iszuree berkata, perkara tersebut perlu diberikan perhatian serius kerana ia mendatangkan bahaya kepada orang ramai terutamanya kanak-kanak.

"Saya memandang serius perkara ini apabila terdapat kes kecederaan membabitkan seorang kanak-kanak terkena renjatan elektrik ekoran pendawaian yang terdedah pada tiang lampu dilaporkan di sini baru-baru ini," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Iszuree memberitahu bahawa beliau akan sedaya-upaya membawa perkara tersebut kepada Jawatankuasa Infra MPPP untuk diberi perhatian sewajarnya.

"Ini adalah kerana ianya bukan sahaja melibatkan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bayan Lepas, tetapi hampir keseluruhan penutup tiang-tiang lampu di sini telah hilang.

"Akibat sikap tamak segelintir pihak yang ingin mengaut keuntungan dengan jalan mudah, ia telah menyebabkan orang awam terdedah kepada bahaya," tegas beliau.

# Papan maklumat hadapi saat kecemasan dibina

Oleh : **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**PERMATANG PAUH –** Bagi memantapkan penyaluran maklumat hingga ke akar umbi terutamanya dalam menjaga kebajikan rakyat, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif khas membina papan tanda meliputi kawasan kampung dan desa di sini baru-baru ini.

Inisiatif tersebut sekaligus dilihat dapat menyelesaikan kesulitan masyarakat setempat sekitar Kubang Semang, Sungai Semambu dan Mukim 5 di sini bagi mendapatkan bantuan daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) berkaitan.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, semua inisiatif itu adalah demi memudahkan rakyat terutamanya ketika menghadapi saat-saat kecemasan.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah bersetuju membina papan maklumat yang dicadangkan oleh pihak JKKK sebelum ini dengan menyalurkan sejumlah RM1,500 untuk projek berkenaan," katanya pada Majlis Perasmian Papan Maklumat Kubang Semang, Sungai Semambu dan Mukim 5 di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti berkata, insiatif tersebut adalah ekoran waktu operasi JKKK yang bukan pada waktu pejabat.

"Ini kerana, sebahagian besar JKKK adalah golongan pekerja dan hanya mampu beroperasi selepas waktu pejabat,'' katanya sambil menjelaskan bahawa papan tanda yang didirikan bakal menjadi mekanisme komunikasi alternatif bagi semua pihak.

Dalam pada itu, ADUN Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man dalam reaksi spontan memberitahu, inisiatif tersebut memberi manfaat kepada rakyat terbanyak di negeri ini.

"Kini, rakyat yang memerlukan bantuan boleh menghubungi JKKK pada bila-bila masa,'' ujar beliau.




**MANSOR Othman (kiri sekali) bertepuk tangan sambil ditemani Mohd. Salleh Man (kanan sekali) pada Majlis Perasmian Papan Maklumat Kubang Semang, Sungai Semambu dan Mukim 5 di sini baru-baru ini.**




**ARSHAD Md. Salleh (berdiri, lima dari kanan) bergambar kenang-kenangan dengan salah sebuah pasukan yang menyertai Kejohanan Futsal Padang di Padang Awam bersebelahan Sekolah Kebangsaan Ara Rendang di sini baru-baru ini.**

## Kejohanan Futsal Padang dinobat acara tahunan

**SIAGA...** Kejohanan Futsal Padang anjuran bersama Pejabat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Permatang Berangan, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pokok Sena Koskam dan Dewan Pemuda PAS kawasan Tasek Gelugor meriah dengan penyertaan 25 pasukan bola sepak amatur.

Menurut Pegawai Penyelaras KADUN Permatang Berangan, Arshad Md. Salleh, kejohanan yang julung kali diadakan ini bukan sahaja untuk mengasah bakat anak-anak muda dalam sukan bola sepak, tetapi juga untuk merapatkan ukhuwah antara pentadbiran peringkat KADUN dan penduduk setempat.

"Alhamdulillah, walaupun pertama kali, kita berjaya menganjurkannya.

"Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Kejohanan Futsal Padang Piala PPK bagi tahun ini. InsyaAllah kita akan jadikan ia acara tahunan," ujar Arshad Md. Salleh yang turut hadir menyaksikan perlawanan tersebut di Padang Awam bersebelahan Sekolah Kebangsaan Ara Rendang di sini baru-baru ini.

## Artis hiburkan anak muda Balik Pulau

**MEMUKAU...** Kehadiran Shamril Mohd. Salleh, 36 atau lebih dikenali sebagai Sham Kamikaze di Dewan Balora Mastika, Kongsi di sini baru-baru ini ternyata menggamit minat anak-anak muda Balik Pulau untuk bersama memeriahkan Program Bicara Anak Muda Bersama Selebriti.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, program bual bicara yang dianjurkan adalah untuk mendekatkan ukhuwah dalam kalangan anak-anak muda terutama mereka yang berusia antara 21 hingga 35 tahun.

"Kita menjemput Sham Kamikaze supaya anak-anak muda dapat mengambil iktibar dan menjadikan beliau sebagai ikutan.

"Kita tahu beliau (Sham) merupakan bekas pemain gitar kumpulan rock yang pernah popular sekitar 1990-an dan kini, beliau menjalankan aktiviti berdakwah serta motivasi dalam mendekati anak-anak muda," ujar Mohd. Tuah kepada Buletin Mutiara.

Selain bual bicara, hadirin turut dihiburkan dengan persembahan khas oleh Sham Kamikaze dan acara cabutan bertuah.




**SHAM Kamikaze (kiri sekali) memetik gitar mengiring nyanyian puisi salah seorang anak muda yang turut serta dalam Program Bicara Anak Muda Bersama Selebriti di sini baru-baru ini.**

# Hari Ladang giat pemindahan teknologi pertanian petani

**PENANTI** – Memancing di kolam air tawar, demonstrasi teknologi pertanian dan pameran produk pertanian merupakan sebahagian aktiviti yang dijalankan sempena penganjuran Hari Ladang Kampung Tun Sardon di sini baru-baru ini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Datuk Mansor Othman, penganjuran tersebut bukan sahaja untuk mempergiatkan program pemindahan teknologi pertanian, malah, juga bagi merapatkan ukhuwah dalam kalangan penduduk setempat.

"Ada dalam kalangan penduduk di sini mengusahakan pertanian secara kecil-kecilan, malah, ada yang menjalankan penternakan sama ada ikan air tawar atau haiwan ternakan seperti ayam dan itik.

"Alhamdulillah, kehadiran pada program ini sangat memberangsangkan dan saya lihat ia sebagai salah satu impak positif yang menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan mana-mana aspek dalam pentadbirannya," ujar beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri I kepada Buletin Mutiara di sini.

Beliau yang turut ditemani isterinya, Datin Aishah Zainul juga tidak ketinggalan menyertai aktiviti memancing di Kolam Air Tawar Thony bersempena program yang turut dijayakan dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK).

Selain itu, antara acara menarik yang turut diadakan adalah kempen satu rumah, satu pokok cili merah, pertandingan memasak nasi kerabu, kuih tradisional dan jualan produk-produk berasaskan pertanian.



AKSI Mansor Othman ketika menyertai acara memancing ikan air tawar pada penganjuran Hari Ladang Kampung Tun Sardon di sini baru-baru ini.

# Demi rakyat, cuti umum pun bertugas

**BERTAM** – Walaupun pada hari cuti umum bersempena sambutan Hari Pekerja, pasukan kerja Pejabat Pusat Khidmat Kawasan Bertam tetap komited dengan tugas dipertanggungjawabkan untuk berkhidmat kepada penduduk setempat di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam, Asrol Sani Abdul Razak berkata, pada hari tersebut, beliau bersama para petugas telah mengadakan lawatan mingguan ke Kampung Datok melalui Program Ziarah Komuniti di sini.

"Walaupun cuti Hari Pekerja, demi rakyat, kita (pasukan kerja Pejabat Pusat Khidmat Kawasan Bertam) teruskan juga program mingguan untuk dekati rakyat.

"Selain bertanyakan khabar dan mengenal pasti permasalahan penduduk, risalah-risalah terbitan Kerajaan Negeri turut diedarkan,'' katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Asrol Sani mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Datok yang turut serta dalam Program Ziarah Komuniti berkenaan.



SALAH seorang pasukan kerja Pejabat Pusat Khidmat Kawasan Bertam cuba mendapatkan maklumat mengenai permasalahan salah seorang penduduk bersempena Program Ziarah Komuniti di sini baru-baru ini.



PEGAWAI Daerah SPU, Jusni Ismail (empat dari kiri) menyampaikan sumbangan hamper kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan oleh Rosidi Hussain (kiri sekali) bersempena Majlis Mesra Rakyat Program PPRT di sini baru-baru ini.

# 42 keluarga PPRT dirai

**PENAGA** – Dikongsi bersama. Seramai 42 keluarga yang menetap di Taman Penaga di sini telah diraikan dalam sebuah Majlis Mesra Rakyat Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) baru-baru ini.

Pada sambutan majlis tersebut, setiap keluarga telah menerima sumbangan berupa hamper makanan asas antaranya sekampit beras, minuman coklat, susu pekat, gula dan biskut.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain berkata, program yang diadakan di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bakau Tua tersebut turut mendapat penyertaan dari Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU), Pejabat Pelajaran Daerah SPU dan Pejabat Kebajikan Masyarakat SPU.

"InsyaAllah, kita akan adakan lagi majlis seumpama ini bagi membolehkan masyarakat desa mendekati dan mengetahui peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi kerajaan di Pulau Pinang," ujar Rosidi kepada Buletin Mutiara di sini.

# BN Hilang Modal & Terus Buat Fitnah :

| FITNAH UMNO | FAKTA BENAR |
|---|---|
| Penjualan tanah Bayan Mutiara dibuat secara rundingan. | Tender terbuka dijalankan dan tidak diberikan kepada kroni. |
| Hasil penjualan tanah Bayan Mutiara tidak bermanfaat kepada rakyat. | RM500 juta diperuntukkan untuk membina rumah mampu milik bermutu yang terbaik di Malaysia agar golongan tidak berada boleh hidup dengan bermaruah. |
| Harga jualan RM240 sekaki persegi terlalu rendah kerana boleh dijual dengan harga RM420 sekaki persegi. | Harga tender terbuka untuk semua. Cabar UMNO beli dengan RM420 sekaki persegi tapi UMNO tidak berani terima. |
| Rancangan pembinaan terowong ke Balik Pulau. | Tiada rancangan langsung. |
| Anti-Bahasa Malaysia kerana minta pelajar boikot Utusan Malaysia dan Berita Harian. | Minta pelajar pilih Sinar Harian (SH) yang lebih benar daripada Utusan Malaysia dan Berita Harian yang pandai sebarkan fitnah anti-PR. Bukankah SH suratkhabar Bahasa Malaysia? |
| Konspirasi besar kerana Ketua Menteri menerima kunjungan hormat Ahli Parlimen wanita PAP. | Mengapa tiada konspirasi apabila Ahli Parlimen wanita PAP turut mengadakan kunjungan hormat terhadap Wanita UMNO? |
| Ketua Menteri cakap tidak perlukan undi kaum India. | Bukti video menunjukkan bahawa Ketua Menteri mahu dan hormat semua kaum termasuk kaum India. |
| Kerajaan Negeri roboh rumah kampung orang Melayu. | Tiada sebuah rumah kampung pun dirobohkan oleh Kerajaan Negeri sebaliknya koperasi yang dipengerusikan UMNO robohkannya. |

**Ketua Menteri telah menang saman malu terhadap Utusan Malaysia sebanyak RM 250 ribu atas fitnah jahat beliau anti-Islam, anti-Melayu.**